

PERLUASAN SKOP UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA: APLIKASI DAN IMPLIKASINYA¹

Extending The Scope of Islamic Law in Malaysia: Applications and Its Implications

Alias Azhar²
Mohammad Azam Hussain³

ABSTRACT

Since the Parliament of Malaysia passed the Islamic Banking Act 1983 (Act 276), it has been shown that the scope of Islamic law implemented in Malaysia is no longer limited to the scope specified in List II of the Ninth Schedule of the Federal Constitution. Pursuant to List II, the scope of Islamic law is limited to personal law and religious offences only. The Islamic Banking Act 1983 (Act 276) in governing the Islamic banking and finance system has widened the scope of Islamic law. The implementation of an Islamic banking and financial system also has implications for the administrative aspects of Islamic law. The scope of Islamic law, as specified in List II, remains under the State's jurisdiction. Meanwhile, the Federal's jurisdiction has the power in governing and regulating Islamic banking and financial matters. This

¹ This article was presented at Seminar Syariah dan Undang-undang 2012, Islamic Science University of Malaysia, 5-8 Mac 2012.

² Senior Lecturer, College of Law, Goverment and International Studies, UUM-COLGIS, 06010 UUM, Sintok, Kedah, Malaysia, az.alias@uum.edu.my.

³ Senior Lecturer, College of Law, Goverment and International Studies, UUM-COLGIS, 06010 UUM, Sintok, Kedah, Malaysia, hmazam@uum.edu.my.

phenomenon also shows the impact of the judicial jurisdiction of the Syariah court and civil court over the scope of Islamic law in Malaysia. In this regard, the Syariah court retains its jurisdiction over the scope of Islamic law enunciated under List II. However, matters pertaining to Islamic banking and finance are subject to the jurisdiction of civil courts. Henceforth, this article seeks to analyze the implications that arise in respect of the administration of Islamic law under the Federal and State Legislature.

Keywords: *Islamic law, conflict of court's jurisdiction, administration of Islamic law.*

PENDAHULUAN

Analisa sejarah telah membuktikan bahawa undang-undang Islam yang ada di Malaysia pada hari ini sebenarnya telah lama wujud dengan bertapaknya Islam di Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-13 lagi. Undang-undang Islam ini kemudiannya melalui fasa-fasa perkembangan ketika zaman negeri-negeri Melayu sebelum penjajahan oleh kuasa-kuasa Barat, ketika zaman penjajahan oleh kuasa-kuasa Barat bermula dengan Portugis, Belanda dan akhirnya Inggeris yang telah memberikan impak kepada kedudukan undang-undang Islam dan akhirnya zaman selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957.⁴

⁴ Perbincangan berkaitan perkara ini boleh dilihat dalam karya-karya berkaitan dengan pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia. Antaranya, Abu Bakar Abdullah, *Ke Arah Perlaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia* (Kuala Terengganu, Terengganu: Pustaka Damai, 1986), 1-142; Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, *The Malaysian Legal System* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1987), 54-55; Mahmud Saedon A. Othman, *Institusi Pentadbiran Undang-undang & Kehakiman Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 217-225; Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997), 46-75; Syeikh Ghazali Ab. Rahman, ‘Pelaksanaan Undang-undang Islam di Negeri-negeri di Malaysia dan masalah-masalah yang dihadapi’, dalam Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid (ed.), *Ke arah merealisasikan Undang-undang Islam di Malaysia* (Selangor, Malaysia: Thinker’s Library Sdn. Bhd., 1988), 58-64; Hamid Jusoh, *Kedudukan Undang-undang Islam dalam Perlembagaan Persekutuan - Suatu Rujukan Khas Terhadap Kes-kes Konversi dalam Undang-Undang Keluarga* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 1-28. Penegasan berkaitan dengan kewujudan undang-undang Islam di Malaysia sebelum kedatangan penjajah Barat juga boleh dilihat dalam kes *Shaik Abdul Latif and others lwn Shaik Elias Bux* (1915) 1 F.M.S.L.R. 204-214 dan kes *Ramah lwn Laton* (1927) 6 F.M.S.L.R. 128.

Perkara yang sering menjadi isu dalam membincangkan perkembangan undang-undang Islam di Malaysia lebih menjurus kepada skop undang-undang Islam yang dilaksanakan di Malaysia. Seandainya diteliti secara mendalam perkembangan undang-undang Islam di Malaysia, jelas memperlihatkan proses evolusi dalam undang-undang Islam yang mengatur aspek kehidupan ketika mula bertapaknya Islam di Malaysia hingga disempitkan skop bidangkuasa oleh penjajah terutamanya Inggeris yang membataskan undang-undang Islam hanya kepada skop undang-undang diri semata-mata.⁵

Secara tidak langsung, pengecilan skop undang-undang Islam yang dilakukan ketika zaman penjajahan Barat telah membawa impak secara langsung kepada bidang kuasa Mahkamah Syariah (sebelum ini lebih dikenali dengan Mahkamah Kadhi) yang mempunyai bidangkuasa hanyalah untuk membicarakan kes-kes melibatkan undang-undang diri orang Islam semata-mata.⁶ Manakala undang-undang lain adalah berdasarkan kepada undang-undang Inggeris.⁷

Namun begitu, selepas daripada kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957, perkembangan undang-undang Islam memasuki era baru apabila enakmen-enakmen yang mengawalselia undang-undang Islam mula digubal dan dikemaskini.⁸ Hasilnya, undang-undang Islam yang wujud di negeri-negeri di Malaysia pada hari ini adalah lebih kemas dan teratur serta dalam bentuk undang-undang bertulis.⁹ Perluasan skop undang-undang Islam makin bertambah dari semasa ke semasa sesuai dengan tuntutan semasa terutama

⁵ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*, 46-75

⁶ Lihat Nor'ainan Bahari, 'Penggubalan dan Peruntukan Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984: Satu Analisis', *Jurnal Syariah*, 6 (1998):16-17.

⁷ Perbincangan berkaitan dengan usaha Inggeris menyisihkan undang-undang Islam di Mahkamah Syariah dengan menerapkan undang-undang Inggeris, boleh dirujuk Mahmood Zuhdi Ab. Majid, *Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001), 106-116. Lihat juga Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*, 52-81.

⁸ Perbincangan berkaitan kodifikasi undang-undang Islam bermula daripada zaman kesultanan Melayu Melaka sehingga sebelum kemerdekaan, sila rujuk, Abdul Kadir Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996). Lihat juga Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*, 62-81.

⁹ Rujuk Senarai terkini Enakmen-enakmen dan akta-akta berkaitan undang-undang Islam yang berkuat-kuasa di negeri-negeri di Malaysia di laman sesawang Portal E-Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia di alamat www.esyariah.gov.my.

undang-undang perbankan dan kewangan Islam meliputi sistem perbankan Islam, takaful dan juga pasaran modal Islam.¹⁰

SKOP UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA

Secara umumnya skop undang-undang Islam yang dilaksanakan di Malaysia telah digariskan oleh Perlembagaan Persekutuan 1957. Merujuk kepada Perkara 3(1), agama Islam telah diletakkan dan diiktiraf sebagai agama rasmi bagi Persekutuan. Tidak dinafikan, Perkara 3(1) ini telah menjadi isu berkaitan dengan status dan maksud sebenar agama Islam sebagai agama rasmi dan juga telah dihuraikan dengan terperinci oleh pakar-pakar perundangan.¹¹ Secara kesimpulannya, walaupun Perkara 3(1) menetapkan bahawa agama Islam adalah merupakan agama rasmi bagi negara Malaysia, tetapi ia tidaklah menetapkan bahawa undang-undang Islam akan menjadi undang-undang negara. Islam yang dimaksudkan di sini hanyalah merujuk kepada aspek keagaman dalam upacara-upacara rasmi sahaja.¹²

Kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara Malaysia telah membawa kepada polemik dalam menentukan samada Negara ini merupakan sebuah negara Islam ataupun sebuah negara sekular. Menurut Farid Suffian Shuaib, polemik ini berterusan semenjak daripada tahun 1957 hingga ke hari ini. Menurutnya lagi, untuk menyifatkan Perlembagaan Persekutuan sebagai sekular adalah sesuatu yang sukar kerana Islam telah diberikan peruntukan yang dominan berbanding agama-agama lain. Demikian juga sebaliknya sukar

¹⁰ Sila rujuk perbincangan Mohd Daud Bakar, ‘Kedinamikan Syariah Dalam Memenuhi Tuntutan Muamalah Perbankan Moden’, *Jurnal Syariah*, 6 (Januari 1998): 68-69.

¹¹ Huraian berkaitan dengan Perkara 3(1) PP ini boleh dilihat antaranya dalam Haji Hasan Bahrom, ‘Perlembagaan: Isu Perlaksanaan Undang-undang Islam’, *Jurnal Syariah*, 7/1 (1999):79-82; Abdul Aziz Bari & Farid Sufian Shuaib, *Constitution of Malaysia – Text and Commentary* (Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall-Pearson Malaysia Sdn. Bhd., Ed. 2, Cet.4, 2007), 5-10; Farid Sufian Shuaib, *Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia* (Petaling Jaya: LexisNexis Malaysia Sdn. Bhd., Ed.2, n.d.), 28-30; Mohammad Hashim Kamali, *Islamic Law in Malaysia – Issues and Development* (Petaling Jaya: Ilmiah Publishers, 2000), 28-48.

¹² Huraian kepada Perkara 3(1) ini juga boleh dilihat dalam keputusan mahkamah yang melibatkan kes *Che Omar bin Che Soh lwn. Pendakwaraya* [1988] 2 MLJ 55; kes *Meor Atiqulrahman Ishak & Yang Lain lwn. Fatimah Sih & Yang Lain* [2000] 1 CLJ 393; kes *Lina Joy lwn. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor* [2004] 6 CLJ 242.

untuk menyifatkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam kerana tidak ada peruntukan dalam Perlembagaan yang menjelaskan bahawa Islam sebagai undang-undang utama negara yang menjadi asas kepada pembentukan negara Islam. Sekiranya di negara Malaysia mempraktikkan Islam sebagai mencakupi keseluruhan aspek kehidupan, maka negara ini adalah merupakan sebuah negara Islam. Namun sekiranya Islam hanyalah ditekankan dalam aspek ibadat semata-mata, maka Malaysia bukanlah sebuah negara Islam.¹³

Skop undang-undang Islam yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan adalah dijelaskan dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, Fasal 1, yang memperuntukkan:

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuklah hukum Syarak berhubungan dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtaraan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat yang dijalankan kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.”

¹³ Farid Sufian Shuaib, *Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia*, (Petaling Jaya: LexisNexis Malaysia Sdn. Bhd., 2nd Ed., 2008), 28-30. Lihat Abdul Aziz bin Bari, ‘Issues in Islamisation of Law in Malaysia’, unpublished paper presented at the International Conference on Harmonisation of Shariah and Civil Law, 20-23 Oktober 2003, Hotel Legend, Kuala Lumpur, 6-9.

Berdasarkan kepada peruntukan ini, Suwaid Tapah mengklasifikasikan skop undang-undang Islam yang dibenarkan ini meliputi undang-undang keluarga; baitulmal, zakat fitrah dan harta wakaf; masjid-masjid; kesalahan-kesalahan yang melibatkan orang Islam; mahkamah-mahkamah Syariah dan bidangkuasa; kawalan pengembangan ajaran agama; dan hal-hal mengenai fatwa.¹⁴ Manakala Mahmood Zuhdi Abd. Majid pula membahagikan bidangkuasa ini kepada bidang kekeluargaan, kehartaan dan jenayah.¹⁵ Secara jelasnya di sini, peruntukan bidang kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan dalam hal berkaitan dengan agama Islam adalah sangat terhad dan hanyalah tertumpu kepada undang-undang diri (*personal law*) dan kesalahan-kesalahan agama sahaja. Perkara-perkara yang diperuntukkan secara khusus sahaja yang akan tertakluk kepada undang-undang Islam dan selainnya tertakluk kepada undang-undang sivil.

Namun begitu, usaha memperkembangkan undang-undang Islam di Malaysia tidak terhenti dengan Jadual Kesembilan, Senarai II ini yang menjurus kepada undang-undang diri dan kesalahan-kesalahan agama semata-mata. Tahun 1983 merupakan detik penting yang memperlihatkan usaha kerajaan Malaysia memperkembangkan peranan undang-undang Islam yang sebelum ini terbatas kepada kepada undang-undang diri dan kesalahan-kesalahan agama kepada bidang kewangan dan perbankan Islam (muamalat). Undang-undang Islam turut berperanan dalam bidang kewangan dan perbankan yang bersifat komersil yang sebelum ini hanya tertakluk kepada undang-undang Inggeris.¹⁶ Usaha kerajaan dalam mengembangkan skop undang-undang Islam telah direalisasikan dalam aspek sistem kewangan Islam dengan tergubalnya Akta Bank Islam 1983 (Akta 276).¹⁷ Akta ini telah menjadi asas penting

¹⁴ Lihat Suwaid Tapah, ‘Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia: Satu Pengenalan’, *Monograf Syariah*, (1993): 72 – 77.

¹⁵ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*, 112-147.

¹⁶ Lihat Norhasimah Mohd. Yasin, *Islamisation/Malaynisation: A Study on the Role of Islamic Law in the Economic Development of Malaysia: 1969 – 1993* (Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1996), 43-44.

¹⁷ Aspek pematuhan kepada prinsip-prinsip Syariah adalah merupakan elemen penting yang telah ditetapkan oleh Akta Bank Islam yang turut menjelaskan bahawa undang-undang Islam adalah terpakai dalam operasi perbankan Islam yang dijalankan oleh mana-mana institusi perbankan dan kewangan Islam yang dilesenkan di bawah Akta ini. Perkara ini boleh dirujuk dalam seksyen 2 berkaitan dengan tafsiran maksud ‘perniagaan perbankan Islam dan juga seksyen 3(5) berkaitan dengan pendaftaran dan pelesenan bank Islam. Sehingga kini, Malaysia mempunyai sebanyak 17 buah bank Islam dan 5 buah bank Islam antarabangsa

terhadap perkembangan undang-undang perbankan dan kewangan Islam di Malaysia yang membenarkan penubuhan bank-bank Islam bagi menjalankan operasi sistem perbankan dan kewangan Islam di Malaysia.¹⁸ Selanjutnya, Akta Pelaburan Kerajaan 1983 (Akta 275) turut diluluskan pada tahun yang sama, bagi membolehkan kerajaan menerbitkan bon berdasarkan prinsip *Qard-ul-Hasan*.¹⁹

Seterusnya, kerajaan telah menggubal Akta Takaful 1984 (Akta 312) bagi mengawal selia urusan perniagaan insurans yang berasaskan prinsip-prinsip Syariah. Ini secara tidak langsung telah berjaya meluaskan skop sistem kewangan yang berteraskan Islam di Malaysia.²⁰ Demikian juga pindaan yang telah dilakukan terhadap Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989

yang dilesenkan di bawah ABI. Senarai terkini bank-bank Islam boleh dilihat di laman web Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC) di http://www.mifc.com/index.php?ch=menu_know_ibt_ib&pg=menu_know_ibt_ib_list, 5 Februari 2012.

¹⁸ Perlu diperjelaskan di sini, undang-undang berkaitan dengan transaksi kewangan berasaskan kepada prinsip-prinsip Syariah bukanlah sesuatu yang baru. Ia sebenarnya telah wujud di negeri Melayu sebelum daripada era penjajahan Barat lagi. Ini terbukti melalui peruntukan yang wujud umpamanya di dalam Undang-undang Melaka yang mempunyai peruntukan undang-undang berkaitan transaksi kewangan Islam, timbangan dan ukuran, larangan *riba* dan peraturan-peraturan berkaitan dengan urusan transaksi berkaitan dengan hal ehwal tanah. Lihat, Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, *The Malaysian Legal System* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1987), 52-54.

¹⁹ Nor Mohamed Yakcop, *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1996), 53.

²⁰ Aspek pematuhan kepada prinsip-prinsip Syariah boleh dilihat dalam peruntukan seksyen 2 berkaitan dengan definisi ‘perniagaan takaful’ dan seksyen 8(5) yang berkaitan dengan pendaftaran dan pelesenan operator takaful. Begitu juga seksyen 11(1)(a), 13(2), 13(7), 18(5) dan seksyen 21(7). Sehingga kini, Malaysia mempunyai 8 buah syarikat pengendali takaful, 4 buah syarikat pengendali takaful semula dan sebuah syarikat pengendali takaful antarabangsa. Senarai terkini syarikat-syarikat pengendali takaful boleh dilihat di laman web MIFC di http://www.mifc.com/index.php?ch=menu_know_ibt_tak&pg=menu_know_ibt_tak_list, 5/2/2012).

(Akta 372)²¹ dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618)²² yang membolehkan institusi-institusi perbankan dan kewangan menyertai Skim Perbankan Islam (SPI) dan seterusnya menawarkan kemudahan-kemudahan pembiayaan berasaskan prinsip-prinsip Syarak.

Kini, undang-undang berkaitan dengan kewangan Islam tidak lagi tertumpu kepada perbankan Islam dan takaful apabila aktiviti pasaran modal yang berteraskan Islam turut dilaksanakan dan melengkapkan lagi aspek pelaksanaan sistem kewangan Islam di Malaysia. Pasaran modal Islam di bawah pengendalian Suruhanjaya Sekuriti Malaysia adalah dikawal oleh Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (Akta 671).²³ Manakala urusan kewangan Islam dan sekuriti Islam di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan pula adalah berdasarkan kepada Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 (Akta 705).

Suatu perkara penting berkaitan dengan sistem kewangan Islam ialah peruntukan seksyen 27, Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701) yang menegaskan bahawa sistem kewangan di negara ini mestilah terdiri daripada sistem kewangan konvensional dan sistem kewangan Islam. Ini merupakan suatu pembaharuan²⁴ yang mengiktiraf sistem kewangan Islam untuk bergerak selari dan menjadi alternatif penting kepada umat Islam dalam memilih sistem

²¹ Lihat seksyen 124, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989. Seksyen ini membenarkan institusi-institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta ini menawarkan kemudahan-kemudahan kewangan berasaskan kepada prinsip Syarak. Walaupun institusi-institusi itu dibenarkan menyertai Skim Perbankan Islam, institusi-institusi itu tidak dianggap sebagai sebuah ‘bank Islam’ sebagaimana dengan institusi-institusi yang dilesenkan di bawah ABI. Sehingga kini, sebanyak 7 buah bank pelaburan dan 2 buah bank komersil dilesenkan di bawah Akta ini menyertai SPI. Senarai terkini institusi-institusi yang menyertai SPI boleh dilihat di laman web MIFC di http://www.mifc.com/index.php?ch=menu_know_ibt_ib&pg=menu_know_ibt_ib_list, 5 Februari 2012.

²² Lihat seksyen 129, Akta Institusi-institusi Pembangunan Kewangan 2002. Akta ini membenarkan institusi-institusi pembangunan kewangan seperti Bank Kerjasama Rakyat Malaysia menjalankan urusniaga kewangan berasaskan kepada prinsip-prinsip Syariah. Sehingga kini, sebanyak 6 buah institusi telah menyertai SPI. Senarai terkini institusi-institusi yang menyertai SPI boleh dilihat di laman web MIFC di http://www.mifc.com/index.php?ch=menu_know_ibt_ib&pg=menu_know_ibt_ib_list, 5 Februari 2012.

²³ Seksyen 316 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (Akta 671).

²⁴ Perkara ini tidak diperuntukkan di dalam Akta Bank Negara Malaysia 1958 (Semakan 1994) (Akta 519).

kewangan yang berteraskan kepada hukum syarak yang merupakan suatu yang dituntut di dalam Islam.²⁵

Justeru, aplikasi sistem perbankan dan kewangan Islam di Malaysia kini menghampiri 30 tahun perkembangannya, bermula dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 1983.²⁶ Ini membuktikan bahawa undang-undang kewangan dan perbankan yang berteraskan Islam telah berjaya dilaksanakan dan telah keluar daripada tafsiran skop undang-undang Islam yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan yang secara jelas membataskan skop undang-undang Islam kepada undang-undang diri dan kesalahan-kesalahan agama semata-mata.

BIDANG KUASA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA

Bidang kuasa pentadbiran undang-undang Islam telah ditetapkan dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, rujukan perlu dibuat kepada Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan. Perkara 74(2) dengan jelas memperuntukkan bahawa:

“Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.”

²⁵ Nik Mustapha Hj. Nik Hasssan & Mazilan Musa, ‘An Evaluation of Islamic Banking Development in Malaysia’, dalam Bala Shanmugam, Vignesen Perumal & Alfieya Hanuum Ridzwa (eds.) *Islamic Banking: An International Perspective* (Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia Press, 2004), 99.

²⁶ Perlu diberi perhatian di sini, institusi kewangan Islam yang pertama ditubuhkan di Malaysia adalah Lembaga Urusan dan Tabung Haji (kini dikenali dengan nama Lembaga Tabung Haji) yang telah ditubuhkan pada tahun 1963 bagi menguruskan simpanan kewangan kepada umat Islam yang akan menunaikan ibadat haji. Penubuhan Lembaga Tabung Haji ini telah membuka jalan kepada Kerajaan Malaysia ke arah memperkenalkan sistem perbankan Islam di negara ini. Lihat Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 326. Lihat juga Nik Mustapha Hj. Nik Hasssan & Mazilan Musa, ‘An Evaluation of Islamic Banking Development in Malaysia’. Lihat juga Sudin Haron & Wan Nursofiza Wan Azmi, *Islamic Finance and Banking System – Philosophies, Principles & Practices* (Shah Alam, Selangor: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2009), 44.

Melalui peruntukan ini, setiap negeri diberi kuasa untuk membuat undang-undang bagi mengatur hal ehwal orang Islam termasuk undang-undang Islam atau hukum syarak. Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa, kerajaan-kerajaan negeri melalui badan perundangan masing-masing berkuasa menggubal undang-undang Islam dan menubuhkan organisasi pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang berkenaan, seperti penubuhan Majlis-majlis Agama Islam dan Mahkamah-mahkamah Syariah.²⁷ Perkara ini selaras dengan kes *Mamat Bin Daud & 2 Lagi lawan Government of Malaysia [1998] 1 MLJ 119* Mahkamah Agung Malaysia telah memutuskan bahawa Parlimen tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang berkait dengan agama Islam dan peraturan-peraturan di bawahnya melainkan bagi Wilayah Persekutuan.

Perlu ditegaskan, walaupun bidang kuasa diberikan kepada Badan Perundangan Negeri untuk menggubal undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran undang-undang Islam, ianya masih lagi tertakluk kepada Perkara 4(1). Jelasnya, bahawa undang-undang yang digubal oleh Badan Perundangan Negeri mestilah tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan juga mana-mana undang-undang Persekutuan yang lain. Kebenaran menggubal undang-undang Islam ini bukanlah suatu yang mutlak.²⁸ Kuasa yang diberikan ini juga tertakluk kepada Perkara 75 yang menjelaskan seandainya berlaku pertentangan antara undang-undang Negeri dan undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Negeri itu adalah terbatal setakat yang bertentangan.²⁹

Namun begitu, bidang kuasa pentadbiran undang-undang kewangan Islam adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan. Ini berdasarkan kepada Perenggan 4, Senarai I, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, perkara yang berkaitan dengan undang-undang perdagangan adalah tertakluk kepada perkara Persekutuan. Oleh kerana perbankan Islam dan kewangan adalah dikategorikan sebagai undang-undang perdagangan, maka ia adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan.³⁰

²⁷ Farid Sufian Shuaib, *Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia* (Petaling Jaya: LexisNexis Malaysia Sdn. Bhd., 2nd Ed. 2008), 50-51.

²⁸ Mahmud Saedon A. Othman, *Institusi Pentadbiran Undang-undang & Kehakiman Islam*, 229.

²⁹ Lihat Abdul Aziz Bari & Farid Sufian Shuaib, *Constitution of Malaysia – Text and Commentary* (2nd Edition, 4th Print, 2007), 149-151.

³⁰ Suruhanjaya Sekuriti, *Regulatory Requirements, Legal Documentation, Accounting, Auditing and Taxation in the Islamic Capital Market* (Petaling Jaya, Selangor: LexisNexis Malaysia Sdn. Bhd., 2009), 58.

Justeru, secara ringkasnya, dapat disimpulkan bahawa skop pentadbiran undang-undang Islam yang berkuatkuasa di Malaysia terbahagi kepada dua bahagian:

- (a) Skop undang-undang Islam yang disenaraikan dalam Jadual Kesembilan, Senarai II adalah ditadbir oleh Badan Perundangan Negeri (Kerajaan-kerajaan Negeri); dan
- (b) Skop undang-undang kewangan Islam adalah ditadbir oleh Persekutuan.

IMPLIKASI PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI BAWAH BADAN PERUNDANGAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN

Perbincangan lepas memperlihatkan bahawa skop undang-undang Islam yang dilaksanakan di Malaysia adalah tertakluk di bawah bidang kuasa pentadbiran yang berbeza. Sebahagiannya adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Badan Perundangan Negeri dan sebahagiannya adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan. Kewujudan bidangkuasa yang berbeza ini telah menimbulkan beberapa implikasi terhadap pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Antara implikasi-implikasi yang timbul ialah:

1. Tidak wujud harmonisasi dalam undang-undang Islam di bawah bidang kuasa negeri-negeri berbanding undang-undang Islam di bawah bidangkuasa Persekutuan.

Isu berkaitan dengan harmonisasi undang-undang pentadbiran agama Islam antara negeri-negeri bukanlah suatu isu yang baru. Usaha pengharmonian dalam mewujudkan undang-undang Islam di peringkat negeri-negeri telah menampakkan hasilnya apabila setiap negeri mempunyai enakmen-enakmen yang hampir sama peruntukannya dalam mentadbir undang-undang Islam berdasarkan kepada skop yang dibenarkan dalam Perlumbagaan Persekutuan. Umpamanya Enakmen Undang-undang Keluarga Islam. Semua negeri di Malaysia mempunyai undang-undang tersendiri bagi mengawal selia institusi perkahwinan di negeri masing-masing. Sebagai contohnya Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (En. 7/08 / En. 11), Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) dan Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sarawak 2001 (Bab 43/2001).

Namun begitu, masih ada ketidakharmonian aspek peruntukkan undang-undang antara negeri-negeri di Malaysia. Contohnya undang-undang bagi

mengawal perkembangan agama bukan Islam kepada orang Islam. Hanya negeri Kedah, Perak, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Terengganu, Pahang dan Kelantan yang sudah mempunyai Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada Orang Islam.³¹ Sebaliknya negeri Perlis, Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak masih belum mempunyai enakmen sedemikian.³² Justeru ini memperlihatkan masih belum wujud harmonisasi dari segi penggubalan undang-undang bagi mentadbir urusan hal ehwal agama Islam di Malaysia.

Sebaliknya, berbeza dengan sistem perbankan dan kewangan Islam yang diletakkan di bawah Persekutuan. Apabila undang-undang perbankan dan kewangan Islam berada di bawah pentadbiran Persekutuan, dapat diperhatikan aspek pengawalseliaan sektor perbankan dan kewangan Islam adalah terletak di bawah badan-badan tertentu. Kedudukan ini dilihat akan memudahkan aspek pentadbiran sistem perbankan dan kewangan Islam. Dalam konteks ini, urusan perbankan Islam dan takaful adalah di bawah pengawalseliaan Bank Negara Malaysia dan sektor pasaran modal Islam pula di bawah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Manakala urusan kewangan dan sekuriti Islam yang dijalankan di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan pula tertakluk kepada pengawalseliaan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan. Kedudukan aspek pengawalseliaan yang khusus ini membolehkan pihak-pihak berkuasa sesuatu sektor itu membuat polisi-polisi bagi memastikan perkembangan

³¹ Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Negeri Kedah, Enakmen 11 Tahun 1988; Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam Negeri Perak, Enakmen 10 Tahun 1988; Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) Negeri Selangor, Enakmen 1 Tahun 1988; Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam Negeri Melaka, Enakmen 1 Tahun 1988; Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam Di Kalangan Orang Islam) Negeri Sembilan, Enakmen 9 Tahun 1991; Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam Negeri Johor, Enakmen 12 Tahun 1991; Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Negeri Terengganu, Enakmen 1 Tahun 1980; Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam Negeri Pahang, Enakmen 5 Tahun 1989; Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Ugama Bukan Islam Negeri Kelantan, Enakmen 11 Tahun 1981.

³² Lihat Johari Ibrahim, “Enakmen cegah murtad perlu dilaksanakan segera” dalam Berita Harian, 22 Disember 2011; Lihat juga senarai Enakmen-enakmen dan Akta-akta berkaitan dengan undang-undang Islam yang berkuatkuasa di negeri-negeri di Malaysia di laman sesawang Portal e-Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia di alamat: <http://www.esyariah.gov.my/>, 11 Julai 2012.

sektor perbankan dan kewangan Islam dengan lancar tanpa campur tangan oleh badan-badan berkuasa bagi sektor-sektor yang lain.

Demikian juga dengan aspek pelaksanaan undang-undang dalam sistem perbankan dan kewangan Islam. Dengan meletakkan urusan perbankan dan kewangan Islam di bawah Persekutuan, dapat diperhatikan bahawa hanya Persekutuan sahaja yang berkuasa untuk menggubal undang-undang dalam mengawalselia urusan perbankan dan kewangan Islam. Ini dapat diperhatikan dengan penggubalan Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 519) sebagai undang-undang pusat yang membolehkan Bank Negara Malaysia mengawalselia semua institusi perbankan dan kewangan di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia termasuklah institusi perbankan dan kewangan Islam.

Akta Bank Islam 1983 (Akta 276) pula digubal khusus dalam mengawalselia semua bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta ini. Manakala Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (Akta 372) dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618) pula mengawalselia urusan institusi-institusi perbankan dan kewangan konvensional yang menyertai Skim Perbankan Islam. Semua syarikat takaful pula adalah tertakluk kepada Akta Takaful 1984 (Akta 312). Bagi sektor pasaran modal Islam pula, operasinya adalah tertakluk kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (Akta 671) dan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 (Akta 705).

Kewujudan undang-undang pusat dan undang-undang khusus ini membolehkan sektor-sektor perbankan dan kewangan Islam dapat beroperasi dengan lancar dan mengelakkan berlakunya pertindanan kuasa dalam urusan pengawalseliaan oleh pihak-pihak berkuasa sektor-sektor terbabit. Secara tidak langsung kewujudan akta-akta ini telah memantapkan lagi kerangka perundangan dalam pelaksanaan sistem perbankan dan kewangan Islam di Malaysia. Demikian juga dengan penambahbaikan dari semasa ke semasa melalui pindaan-pindaan yang dilakukan terhadap akta-akta ini memperlihatkan usaha berterusan pihak kerajaan Persekutuan dalam memantapkan lagi kerangka undang-undang dalam mengawalselia urusan perbankan dan kewangan Islam di Malaysia.

2. Skop undang-undang Islam tertakluk kepada dua sistem mahkamah yang berbeza.

Rentetan daripada pembahagian kuasa pentadbiran undang-undang Islam kepada Badan Perundangan Negeri dan Persekutuan, ianya secara tidak langsung memberikan impak kepada bidangkuasa mahkamah yang mengendalikan keskes melibatkan undang-undang Islam di Malaysia. Bagi skop undang-undang di bawah bidangkuasa negeri-negeri, Mahkamah Syariah di negeri-negeri

terbabit adalah mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam. Perkara ini sememangnya telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai II.

Namun begitu, berbeza dengan undang-undang berkaitan sistem kewangan Islam yang jatuh di bawah bidangkuasa Persekutuan. Ianya adalah tertakluk kepada bidangkuasa Mahkamah sivil. Secara ringkasnya, hujah menyatakan ianya tertakluk kepada mahkamah sivil adalah berdasarkan kepada tafsiran perenggan 4 dalam Senarai I, Jadual Kesembilan yang mana undang-undang kewangan Islam adalah termasuk dalam kategori undang-undang perdagangan. Sementara itu, undang-undang yang mengawalselia sistem kewangan Islam juga tidak menjelaskan perkara ini kecuali seksyen 63 Akta Takaful 1984 (Akta 312) yang menjelaskan bahawa Mahkamah Majistret Kelas Pertama mempunyai bidangkuasa membicarakan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini. Ini juga dikuatkan lagi dengan keputusan mahkamah dalam kes *Bank Islam Malaysia Bhd lwn Adnan bin Omar* (1994) 3 CLJ 735. Antara lain, mahkamah dalam kes ini memutuskan bahawa mahkamah sivil adalah mempunyai bidangkuasa mendengar kes-kes berkaitan perbankan Islam dan lain-lain kes-kes perdagangan Islam atas alasan:

- (a) Mahkamah Syariah hanya boleh memutuskan kes-kes yang jatuh di bawah Senarai Negeri yang tidak termasuk undang-undang perdagangan seperti perbankan Islam; dan
- (b) Mahkamah Syariah hanya boleh memutuskan kes apabila pihak-pihak yang terlibat adalah seorang Islam.

Timbul persoalan dalam aspek penyelesaian pertikaian yang melibatkan urusan kewangan Islam. Soalnya, sejaухmanakah undang-undang Islam berjaya diterapkan sepanjang prosiding kes tersebut? Kajian oleh Zainal Amin Ayub *et. al.* telah menunjukkan bahawa, walaupun secara umumnya, proses litigasi sivil perbankan adalah harmoni dengan litigasi Syariah, namun beberapa aspek didapati tidak harmoni dengan litigasi Syariah. Sebagai contohnya, hakim yang mengadili mestilah seorang Islam dan undang-undang yang akan diguna pakai mestilah undang-undang Islam.³³ Selain daripada itu, perlu diperjelaskan bahawa hakim mahkamah sivil boleh terdiri daripada seorang yang beragama Islam atau bukan Islam. Undang-undang tidak menetapkan syarat bahawa

³³ Lihat Zainal Amin Ayub *et al.*, ‘Harmonizing Civil Litigation With Syariah Litigation In Islamic Banking: Malaysian Experience’, [2007] 2 CLJ ix.

seseorang yang akan dilantik sebagai hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi mestilah beragama Islam.³⁴

Perkara yang sama diketengahkan oleh Rusni Hassan dan Adnan Yusoff yang menyatakan bahawa para hakim adalah tertakluk kepada Akta Undang-undang Sivil 1956, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan Peraturan-peraturan Mahkamah Tinggi 1980 yang mana tidak menjelaskan akan pemakaian undang-undang Islam. Dalam hal ini, adalah dikhawatirkan akan keupayaan hakim-hakim mahkamah sivil dalam memutuskan pertikaian melibatkan undang-undang perdagangan Islam. Ini kerana untuk memutuskan kes-kes sebegini, hakim-hakim bukan sekadar mempunyai pengetahuan dalam undang-undang transaksi Islam, tetapi juga pengetahuan berkaitan dengan aspek-aspek Syariah secara umum.³⁵ Demikian juga Farid Suffian Shuaib yang menyatakan bahawa mahkamah sivil hanyalah berupaya dalam hal prosedur dan rangkakerja perbankan Islam tetapi tidak dalam hal undang-undang substantif perbankan Islam itu sendiri kerana mereka tidak dilatih dalam undang-undang Islam.³⁶

Merujuk polemik bidangkuasa mahkamah dalam kes kewangan Islam ini, suatu penambahbaikan telah dilakukan oleh Jabatan Kehakiman melibatkan kes-kes kewangan Islam di Malaysia. Melalui Arahan Amalan No. 1 Tahun 2003, bermula 1 Mac 2003, kes-kes Muamalat telah didaftarkan di mahkamah yang khusus iaitu Mahkamah Tinggi Dagang 4 dengan diberikan kod pengelasan yang khusus. Mahkamah Muamalat khusus telah mula dilaksanakan pada

³⁴ Merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, dalam Perkara 123 menjelaskan bahawa seserang itu adalah berkelayakan untuk dilantik sebagai hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi sekiranya :

- (a) Ia adalah seorang warganegara; dan
- (b) Dalam masa 10 tahun sebelum perlantikannya, ia telah menjadi peguam bagi mahkamah tersebut atau mana-mana satu daripada mahkamah itu ataupun menjadi anggota bagi perkhidmatan kehakiman dan undang-undang Persekutuan atau perkhidmatan undang-undang sesuatu Negeri, atau pada suatu masa lain, berkhidmat sebagai anggota perkhidmatan kehakiman dan undang-undang Persekutuan.

³⁵ Rusni Hassan & Adnan Yusoff, ‘The outlook of the Malaysian Islamic capital market’, [2009] MLJ 3, cvii –cxxxi..

³⁶ Farid Suffian Shuaib, ‘Development of Syariah Court in Malaysia: Waves of Reformation’, *Current Law Journal* [2008] 9 CLJ, xli; Najahudin Lateh *et al.*, ‘The Legal Framework of The Islamic Financial System: A Study on The Cases in Malaysia’, *Malaysian Accounting Review*, 9/2 (Special Issue, 2009):85-97; Muhammad Rahimi Osman, *Islamic Financial Legal Framework* (UiTM: UPENA, 2009); Rahizam Ibrahim, ‘Shariah Governance Framework for IFI’, *Islamic Banking Discussions Series* (Bank Negara Malaysia, 2011).

bulan Februari 2009 dan mempunyai struktur pentadbiran yang tersendiri terdiri daripada seorang hakim, dua orang pendaftar dan dibantu oleh tiga orang kerani bagi urusan pentadbiran.³⁷

Timbul persoalan, sejauh manakah Mahkamah Muamalat ini mampu menyelesaikan kes-kes kewangan Islam yang sudah pasti akan meningkat dari sehari ke sehari sejajar dengan perkembangan semasa sektor kewangan Islam yang semakin bertambah luas dan maju. Begitu juga dengan kedudukan Mahkamah Muamalat ini adalah di bawah kerangka sistem mahkamah sivil dan dikhawatir mahkamah ini akan berdepan dengan masalah yang melibatkan konflik antara prinsip perundangan sivil dengan prinsip perundangan Islam.

Penubuhan Mahkamah Muamalat ini dilihat sebagai alternatif terbaik ketika ini bagi mengendalikan urusan kes-kes kewangan Islam. Apatah lagi dengan tergubalnya Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701), melalui seksyen 56 yang mewajibkan mahkamah merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dalam memutuskan kes-kes yang melibatkan urusan kewangan Islam sebagaimana yang boleh dilihat dalam kes *Tan Sri Abdul Khaled Ibrahim lwn. Bank Islam Malaysia Bhd.* [2012] 3 CLJ 249 dan juga kes *Mohd Alias Ibrahim lwn RHB Bank Bhd. & lain-lain* [2011] 4 CLJ 654.³⁸ Begitu juga seksyen 57 yang menjelaskan bahawa apa-apa peraturan yang dikeluarkan oleh Majlis Pengawasan Syariah ini apabila diminta oleh mahkamah, akan mengikat mahkamah dalam membuat keputusan berkaitan dengan urusan kewangan Islam.

Sehingga kini, belum ada kajian terperinci berkaitan sejauhmana keberkesanan penubuhan Mahkamah Muamalat sebagai forum yang sesuai untuk mendengar kes-kes kewangan Islam. Begitu juga persoalan tentang sejauhmana peruntukan undang-undang dalam Akta Bank Negara Malaysia

³⁷ Sila rujuk Mohammad Azam Hussein & Husni Hassan, ‘The Establishment Of Muamalah Court In Malaysia: An Overview’, unpublished paper presented at the Seminar International Legal Conference 2011, Bayview Beach Resort, Pulau Pinang, pada 19-20 November 2011).

³⁸ Berbeza dengan kes-kes yang diputuskan sebelum tergubalnya Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701), rujukan kepada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia adalah tidak bersifat mandatori sebagaimana diputuskan dalam kes *Malayan Banking Bhd lwn. Ya'kup Oje & Anor* [2007] 5 CLJ: *Affin Bank Bhd lwn. Zulkifli Abdullah* [2006] 1 CLJ 438 dan *Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd v. Silver Concept Sdn.Bhd* [2006] 8 CLJ. Sila lihat juga Mohammad Azam Hussein & Mumtaj Hassan, 2009, ‘Peranan Jawatankuasa Penasihat Syariah dalam Kes-kes Perbankan Islam di Malaysia’, *Prosiding International Conference on Corporate Law 2009*, (Sintok: Universiti Utarara Malaysia, 2009), 7-9.

yang baru diperkenalkan pada tahun 2009 diterima pakai di Mahkamah Muamalat dalam menangani kes-kes kewangan Islam.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dilakukan, jelas memperlihatkan bahawa skop undang-undang Islam di Malaysia tidak lagi terbatas dengan skop yang dibenarkan dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, Perlembagaan Persekutuan. Ianya kini turut meliputi sektor kewangan Islam yang terdiri daripada perbankan Islam, takaful dan juga pasaran modal Islam. Perluasan skop undang-undang Islam ini telah membawa kepada pembahagian bidangkuasa pentadbiran undang-undang Islam. Skop undang-undang yang termaktub di bawah Jadual Kesembilan, Senarai II, Perlembagaan Persekutuan, tertakluk kepada bidangkuasa pentadbiran negeri-negeri. Manakala pentadbiran undang-undang kewangan Islam adalah di bawah Persekutuan. Pembahagian skop pentadbiran juga membawa kepada pembahagian bidangkuasa mahkamah. Undang-undang Islam di peringkat negeri tertakluk kepada bidangkuasa Mahkamah Syariah negeri-negeri dan undang-undang kewangan Islam jatuh di bawah bidangkuasa Mahkamah sivil. Implikasi-implikasi yang timbul hasil daripada pembahagian skop bidangkuasa pentadbiran ini perlulah diberi perhatian dan langkah-langkah penambahbaikan yang sewajarnya perlulah dilakukan oleh pihak-pihak berkaitan agar pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia menjadi contoh dan ikutan terbaik kepada negara-negara luar.

RUJUKAN

- Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999).
- Abdul Aziz Bari & Farid Sufian Shuaib, *Constitution of Malaysia – Text and Commentary* (Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall-Pearson Malaysia Sdn. Bhd., Ed. 2, Cet.4, 2007).
- Abdul Aziz Bari & Farid Sufian Shuaib, *Constitution of Malaysia – Text and Commentary* (2nd Ed., 4th Print, 2007).
- Abdul Aziz Bari, ‘*Issues in Islamisation of Law in Malaysia*’, unpublished paper presented at the International Conference on Harmonisation of Shariah and Civil Law, 20-23 Oktober 2003, Hotel Legend, Kuala Lumpur.
- Abdul Kadir Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996).

- Abu Bakar Abdullah, *Ke Arah Perlaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia* (Kuala Terengganu, Terengganu: Pustaka Damai, 1986).
- Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, *The Malaysian Legal System* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1987).
- E-Syariah, <http://www.esyariah.gov.my/>, 11 Julai 2012.
- Farid Suffian Shuaib, ‘Development of Syariah Court in Malaysia: Waves of Reformation’, *Current Law Journal* (2008) 9 CLJ, xli.
- Farid Sufian Shuaib, *Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia* (Petaling Jaya: LexisNexis Malaysia Sdn. Bhd., 2nd Ed., 2008).
- Hamid Jusoh, *Kedudukan Undang-undang Islam dalam Perlembagaan Persekutuan - Suatu rujukan khas terhadap kes-kes konversi dalam undang-undang keluarga* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992).
- Hasan Bahrom, ‘Perlembagaan: Isu Perlaksanaan Undang-undang Islam’, *Jurnal Syariah*, 7/1 (1999):79-82.
- Johari Ibrahim, ‘Enakmen cegah murtad perlu dilaksanakan segera’, *Berita Harian*, 22 Disember 2011.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid, *Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001).
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997).
- Mahmud Saedon A. Othman, *Institusi Pentadbiran Undang-undang & Kehakiman Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998). MIFC, http://www.mifc.com/index.php?ch=menu_know_ibt_ib&pg=menu_know_ibt_ib_list, 5 Februari 2012.
- MIFC, http://www.mifc.com/index.php?ch=menu_know_ibt_tak&pg=menu_know_ibt_tak_list, 5 Februari 2012.
- Mohammad Azam Hussein & Husni Hassan, ‘The Establishment Of Muamalah Court In Malaysia: An Overview’, unpublised paper presented at the Seminar International Legal Conference 2011, Bayview Beach Resort, Pulau Pinang, pada 19-20 November 2011.
- Mohammad Azam Hussein & Mumtaj Hassan, ‘Peranan Jawatankuasa Penasihat Syariah dalam Kes-kes Perbankan Islam di Malaysia’, *Prosiding International Conference on Corporate Law 2009*, (Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2009).

- Mohammad Hashim Kamali, *Islamic Law in Malaysia – Issues and Development* (Petaling Jaya: Ilmiah Publishers, 2000).
- Mohd Daud Bakar, ‘Kedinamikan Syariah Dalam Memenuhi Tuntutan Muamalah Perbankan Moden’, *Jurnal Syariah*, 6 (Januari 1998): 68-69.
- Muhammad Rahimi Osman, *Islamic Financial Legal Framework* (UITM: UPENA, 2009).
- Najahudin Lateh *et al.*, ‘The Legal Framework of The Islamic Financial System: A Study on The Cases in Malaysia’, *Malaysian Accounting Review*, 9/2 (Special Issue, 2009): 85-97.
- Nik Mustapha Hj. Nik Hasssan & Mazilan Musa, ‘An Evaluation of Islamic Banking Development in Malaysia’, dalam Bala Shanmugam, Vignesen Perumal & Alfieya Hanuum Ridzwa (eds.) *Islamic Banking: An International Perspective* (Serdang, Selangor Darul Ehsan: Universiti Putra Malaysia Press, 2004).
- Nor Mohamed Yakcop, *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1996).
- Nor'ainan Bahari, ‘Penggubalan dan Peruntukan Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984: Satu Analisis’, *Jurnal Syariah*, 6 (1998):16-17.
- Norhasimah Mohd. Yasin, *Islamisation/Malaynisation: A study on the role of Islamic Law in the economic development of Malaysia: 1969 – 1993* (Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1996).
- Rahizam Ibrahim, ‘Shariah Governance Framework for IFI’, *Islamic Banking Discussions Series*, Bank Negara Malaysia, 2011).
- Rusni Hassan & Adnan Yusoff, ‘The outlook of the Malaysian Islamic capital market’, (2009) MLJ 3, cvii –cxxxii.
- Sudin Haron & Wan Nursofiza Wan Azmi, *Islamic Finance and Banking System – Philosophies, Principles & Practices* (Shah Alam, Selangor: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2009).
- Suruhanjaya Sekuriti, *Regulatory Requirements, Legal Documentation, Accounting, Auditing and Taxation in the Islamic Capital Market* (Petaling Jaya, Selangor: LexisNexis Malaysia Sdn. Bhd., 2009).
- Suwaid Tapah, ‘Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia: Satu Pengenalan’, *Monograf Syariah* (1993): 72 – 77.
- Syeikh Ghazali Ab. Rahman, ‘Pelaksanaan Undang-undang Islam di Negeri-negeri di Malaysia dan masalah- masalah yang dihadapi’, dalam Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid (ed.), *Ke arah merealisasikan Undang- undang Islam di Malaysia* (Selangor, Malaysia: Thinker’s Library Sdn. Bhd., 1988).

Zainal Amin Ayub *et al.*, ‘Harmonizing Civil Litigation With Syariah Litigation In Islamic Banking: Malaysian Experience’, (2007) 2 CLJ ix.

Statut

- Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (Akta 372).
- Akta Bank Islam 1983 (Akta 276).
- Akta Bank Negara Malaysia 1958 (Semakan 1994) (Akta 519).
- Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701).
- Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618).
- Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (Akta 671).
- Akta Pelaburan Kerajaan 1983 (Akta 275).
- Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 (Akta 705).
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).
- Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam Negeri Melaka, Enakmen 1 Tahun 1988.
- Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Negeri Kedah, Enakmen 11 Tahun 1988.
- Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Negeri Terengganu, Enakmen 1 Tahun 1980.
- Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam Negeri Johor, Enakmen 12 Tahun 1991.
- Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam Negeri Pahang, Enakmen 5 Tahun 1989.
- Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Ugama Bukan Islam Negeri Kelantan, Enakmen 11 Tahun 1981.
- Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) Negeri Selangor, Enakmen 1 Tahun 1988.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (En. 7/08 / En. 11).
- Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam Di Kalangan Orang Islam) Negeri Sembilan, Enakmen 9 Tahun 1991.
- Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam Negeri Perak, Enakmen 10 Tahun 1988.

Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sarawak 2001 (Bab 43/2001).

Perlembagaan Persekutuan 1957.

Kes

Affin Bank Bhd lwn. Zulkifli Abdullah (2006) 1 CLJ 438

Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd v. Silver Concept Sdn.Bhd (2006) 8 CLJ

Bank Islam Malaysia Bhd lwn. Adnan bin Omar (1994) 3 CLJ 735.

Che Omar bin Che Soh lwn. Pendakwaraya (1988) 2 MLJ 55.

Lina Joy lwn. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor (2004) 6 CLJ 242

Malayan Banking Bhd lwn. Ya'kup Oje & Anor (2007) 5 CLJ

Mamat Bin Daud & 2 Lagi lwn. Government of Malaysia (1998) 1 MLJ 119

Meor Atiqulrahman Ishak & Yang Lain lwn. Fatimah Sihi & Yang Lain (2000) 1 CLJ 393

Mohd Alias Ibrahim lwn. RHB Bank Bhd. & lain-lain (2011) 4 CLJ 654

Ramah lwn. Laton (1927) 6 F.M.S.L.R. 128.

Shaik Abdul Latif and others lwn. Shaik Elias Bux (1915) 1 F.M.S.L.R. 204-214.

Tan Sri abdul Khaled Ibrahim lwn. Bank Islam Malaysia Bhd. (2012) 3 CLJ 249

